



**TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002  
Faks : 03-88892639  
E-mel : farida@jpa.gov.my  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : MY-AR : 4697

Ruj.Kami: JPA(S) 269/2/1 Klt.4/( 65 )  
Tarikh : 18 Oktober 2012

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN MENGENAI PERUBAHAN KUASA MENIMBANG  
BAGI PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN KE AGENSI  
ANTARABANGSA**

Saya dengan hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 (PP 12/2008) – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara Dan Pertukaran Tetap memperuntukkan YAB Perdana Menteri sebagai kuasa menimbang peminjaman pegawai awam dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Pengurusan dan Profesional (P&P) ke agensi antarabangsa bagi tempoh setahun atau lebih. Walau bagaimanapun, selaras dengan prinsip *empowerment* dan *delegation of power* mulai 1 Oktober 2012. Kerajaan bersetuju supaya kuasa menimbang peminjaman pegawai awam ke agensi antarabangsa adalah seperti berikut:-

<b>Kumpulan Perkhidmatan/ Tempoh Peminjaman</b>	<b>Kuasa Menimbang</b>
Pengurusan Tertinggi (tempoh setahun atau lebih)	Perdana Menteri
Pengurusan Tertinggi (tempoh kurang setahun)	Ketua Setiausaha Negara
Pengurusan dan Profesional (tanpa mengira tempoh)	
Pelaksana	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

3. Perubahan kepada kuasa menimbang pelantikan secara peminjaman ke agensi antarabangsa ini tidak mengubah prosedur sedia ada yang dijelaskan dalam PP 12/2008. Dimaklumkan perubahan ini untuk perhatian YBhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan jua. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA dengan menghubungi Encik Syamsul Nizam bin Mohd Razali, emel [syamsul.razali@jpa.gov.my](mailto:syamsul.razali@jpa.gov.my) atau talian 03-88854988.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATUK FARIDA MOHD ALI )**

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

**s.k.**

YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa  
Ketua Setiausaha Negara  
Aras 4, Blok Timur  
Bangunan Perdana Putra  
62502 Putrajaya